

3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Oktober
2020
2 ½ jam

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
NEGERI PERLIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2020

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
5. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru.*
6. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

- 1 (a) Berdasarkan butir berikut, tentukan sama ada aset atau liabiliti.

	Aset / Liabiliti
Insurans prabayar	
Komisen belum terperoleh	

[2 markah]

- (b) Perniagaan Nasarudin menerima invois bagi pembelian barang niaga bernilai RM2 500 bertarikh 6 Ogos 2020 daripada Selasih Maju Enterprise. Syarat-syarat yang dikenakan ialah diskaun niaga 20% , diskaun tunai 10% 7 hari dan 5% 14 hari.

Hitung jumlah yang perlu dijelaskan sekiranya Perniagaan Nasarudin membuat bayaran pada 13 Ogos 2020.

[2 markah]

- (c) Kedai Runcit Syahmi membeli perabot secara kredit daripada Gudang Perabot Jejawi bernilai RM7 500. Rekodkan urus niaga tersebut dalam Jurnal Am.

[2 markah]

- (d) Berikan dua contoh pendapatan hasil bagi Kelab Badminton Bukit Jerneh.

[2 markah]

- (e) Jelaskan maksud belanja langsung dan berikan satu contoh.

[2 markah]

- 2 Shan dan Chong adalah pemilik bagi Perkongsian Harmoni yang beroperasi di Kaki Bukit, Perlis. Berikut merupakan Imbangan Duga pada 31 Disember 2019.

	RM	RM
Kenderaan	85 600	
Susut nilai terkumpul kenderaan		17 120
Belian dan Jualan	25 640	51 690
Alatan	11 500	
Susut nilai terkumpul alatan		2 300
Pulangan	230	537
Inventori 1 Januari 2019	9 870	
Sewa		11 000
Gaji pekerja	5 500	
Akaun Belum Terima	4 550	
Akaun Belum Bayar		3 348
Peruntukan hutang ragu		565
Insurans	1 760	
Bank	11 020	
Tunai	3 420	
Kadar bayaran	1 360	
Ambilan Shan	500	
Ambilan Chong	300	
Angkutan masuk	240	
Modal Shan		20 000
Modal Chong		40 000
Akaun Semasa Shan	515	
Akaun Semasa Chong		7 445
Gaji Chong	8 000	
Gaji Shan	4 000	
Pinjaman daripada Chong		20 000
	174 005	174 005

- (i) Mengikut Ikatan Perkongsian Harmoni:
- Faedah atas modal 5% setahun.
 - Faedah atas ambilan 10% setahun.
 - Faedah atas pinjaman 8% setahun.
 - Gaji setiap pekongsi RM10 000 setahun.
 - Pembahagian untung bersih mengikut nisbah modal.
- (ii) Rakan kongsi juga bersetuju membuat pelarasan bagi perkara berikut:
- Inventori pada 31 Disember 2019 ialah RM12 500 pada harga kos dan RM13 460 pada harga pasaran.

- (b) Sewa bulanan RM1 500.
- (c) Susut nilai bagi:
 - (i) Kenderaan ialah 10% atas kos.
 - (ii) Alatan ialah 20% atas baki berkurangan.
- (d) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas Akaun Belum Terima.
- (e) Insurans bermula pada 31 Mac 2019 untuk tempoh setahun.
- (f) Bil elektrik RM550 belum dijelaskan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [11 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa setiap pekongsi (beruangan). [8 markah]

- 3 Puan Mawar adalah pemilik Mawar Florist di Kangar, Perlis. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM300.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Mawar Florist :

Tarikh	Butir	RM
2020		
Mac 31	Baki bank	8 368
	Baki buku tunai runcit	92
April 1	Rekupmen dengan cek (No.511222)	?
3	Bayaran untuk kertas A4	36
6	Bayaran untuk pewangi pejabat	25
8	Bayaran untuk setem dan pos	20
10	Bayaran kepada Perniagaan Matahari dengan cek (No.511223)	2 685
12	Terima cek daripada Seroja Enterprise	3 700
15	Bayaran untuk surat khabar dan majalah	22
17	Bayaran untuk kertas dan dakwat	58
18	Belian dengan cek (No.511224)	3 157
21	Cek diterima untuk jualan tunai	3 430
22	Bayaran untuk bungkusan pos	53
25	Bayaran untuk upah membaiki pintu pejabat	30
29	Terima cek daripada Orchid Enterprise	1 350
30	Bayaran sewa dengan cek bagi bulan April (No.511225)	2 800

Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan April 2020 yang telah diterima oleh Mawar Florist.

PENYATA BANK Bank Sejahtera Lot 432, 01000 Kangar, Perlis					
Mawar Florist			Tarikh : 30 April 2020 No. Akaun : 313424535646		
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2020			RM	RM	RM
April 1	Baki				8 668
1	Cek	511222	208		8 460
4	Cek	511221	300		8 160
13	Cek	511223	2 865		5 295
18	Cek	511224	3 157		2 138
21	Deposit			3 430	5 568
30	Dividen			600	6 168
30	Caj Bank		50		6 118

Maklumat tambahan :

Cek bertarikh 12 April 2020 dipulangkan oleh bank dengan tanda “ Rujuk Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Buku Tunai Runcit bagi bulan April 2020 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya. Tunjukkan lajur analisis Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat.
(gunakan **Lampiran A**) [9 markah]
- (b) Buku Tunai ruangan bank (gunakan **Lampiran B**). [8 markah]
- (c) Penyata Penyesuaian Bank bermula dengan baki Buku Tunai.
(tanpa mengemaskini Buku Tunai) [8 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

4. Encik Haziq, seorang peniaga, tidak menyimpan rekod-rekodnya dengan lengkap. Butir-butir berikut diperoleh daripada buku-buku Kedai Haziq:

	1 Julai 2019	30 Jun 2020
	RM	RM
Tunai di bank	2 097	?
Lengkapan	6 200	7 200
Inventori	6 670	7 029
Akaun Belum Terima	5 850	6 575
Akaun Belum Bayar	4 488	5 082
Gaji belum bayar	250	375
Insurans prabayar	-	120
Komisen belum diterima	303	-
Komisen belum terperoleh	-	100
Sewa prabayar	300	350

Ringkasan buku tunai bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 adalah seperti berikut:

Buku Tunai			
	RM		RM
Akaun Belum Terima	40 085	Akaun Belum Bayar	17 225
Jualan	16 750	Belian	10 445
Komisen	1 339	Gaji	6 840
		Sewa	3 650
		Insurans	600
		Ambilan	2 400
		Belanja Am	1 820
		Lengkapan	1 800

Maklumat tambahan:

Sepanjang tempoh berakhir 30 Jun 2020, urusan niaga yang berikut juga telah berlaku.

- Pulangan masuk RM280.
- Pulangan keluar RM190.
- Diskaun diberi RM270.
- Diskaun diterima RM350.
- Seorang pelanggan telah menghilangkan diri dan hutangnya sebanyak RM500 dihapuskan.
- Encik Haziq telah mengambil barang niaga berkos RM800 untuk kegunaan sendiri. Perkara ini belum direkodkan.

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung baki bank pada 30 Jun 2020 [1 *markah*]
- (b) Menyediakan:
- (i) Akaun Kawalan Belum Terima [3 *markah*]
 - (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [3 *markah*]
 - (iii) Akaun Gaji [2 *markah*]
 - (iv) Akaun Komisen Diterima [2 *markah*]
 - (v) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 [9 *markah*]

- 5 a) Syarikat Almada Berhad menawarkan perkhidmatan percetakan. Pada 1 Jun 2019, syarikat tersebut telah menerbitkan 800 000 unit syer biasa yang bernilai RM1.00 sesyer.

Pada tarikh tutup permohonan, 20 Jun 2019, jumlah wang yang diterima berjumlah RM1 000 000. Wang lebih sebanyak RM200 000 tersebut dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya pada tarikh yang sama.

Anda dikehendaki:

- (a) Merekodkan terbitan syer ke dalam Jurnal Am (abaikan keterangan). [6 markah]
 (b) Memindahkan catatan dari Jurnal Am ke Lejar. [6 markah]

- b) Berikut ialah aset dan liabiliti Farrell Enterprise pada 1 April 2020.

	RM
Alatan Pejabat	9 700
Akaun Belum Terima	2 600
Akaun Belum Bayar	6 330
Tunai di Bank	7 450
Modal	?
Inventori	9 760
Gaji Belum Bayar	500

Urus niaga yang berikut berlaku sehingga 30 April 2020:

- Belian barang niaga berjumlah RM3 800 secara kredit.
- Menjelaskan gaji belum bayar RM300.
- Mengeluarkan cek RM3 360 kepada pembekal dan menerima diskaun RM140.
- Menghapuskan Akaun Belum Terima RM1 450 sebagai hutang lapuk.
- Pemilik memasukkan tunai ke dalam bank sebanyak RM6 000 sebagai modal tambahan.
- Pemilik mengambil komputer bernilai RM1 500 daripada pejabat untuk kegunaan anaknya.

Berdasarkan maklumat di atas, **anda dikehendaki:**

- (a) Menghitung modal pada 1 April 2020. [1 markah]
 (b) Melengkapkan jadual persamaan perakaunan (Gunakan **Lampiran C**) [7 markah]

- 6 a) Perniagaan Bukit Jernih telah mengeluarkan sejenis minuman berasaskan kacang soya. Kos dan harga jualan yang dijangka untuk pengeluaran 1 200 unit adalah seperti berikut:

	RM
Sewa Kilang	1 000
Susut Nilai Peralatan Kilang	2 000
Bahan Mentah	2 000
Gaji Pekerja	4 000
Harga Jualan Seunit	10

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira titik pulang modal dalam unit. [2 markah]
 (b) Berdasarkan jawapan di atas, lakarkan graf titik pulang modal. [4 markah]
 (c) Menentukan keuntungan atau kerugian pada tahap pengeluaran 1 500 unit. [2 markah]
 (d) Mencari jumlah keluaran untuk mendapat untung RM5 000. [2 markah]
- b) Maklumat yang berikut diperolehi daripada Buku Perniagaan Jasmi pada 31 Disember 2019.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Belum Terima	8 000	
Peruntukan hutang ragu		600
Lekapan	20 000	
Susut nilai terkumpul lekapan		2 000

Pelarasan berikut belum diambil kira pada akhir tempoh perakaunan:

- (i) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% ke atas Akaun Belum Terima.
 (ii) Lekapan disusutnilaikan 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
 (iii) Pada 31 Disember 2019, lekapan dijual secara tunai dengan harga RM12 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Peruntukan Hutang Ragu [2 markah]
 (b) Akaun Susut Nilai Terkumpul Lekapan [2 markah]
 (c) Akaun Pelupusan Lekapan [3 markah]
 (d) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 [3 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

LAMPIRAN B

BUKU TUNAI (RUANGAN BANK)

TARIKH	BUTIR	BANK	TARIKH	BUTIR	NO.CEK	BANK

[8 markah]

LAMPIRAN C

JADUAL PERSAMAAN PERAKAUNAN

Urusniaga	Alatan Pejabat	Akaun Belum Terima	Bank	Inventori	Akaun Belum Bayar	Gaji Belum Bayar	Modal	Ambilan	Untung Bersih
Baki									
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									

[7 markah]

